

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia  
Tarikh : 18/02/2022  
Edisi / Muka Surat : Nasional 33)  
Tajuk : Presiden ANGKASA Terajui Kendali



## Presiden Angkasa terajui Kendali

KEWIBAWAAN serta dibantu pengalaman luas dalam pengurusan koperasi membolehkan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah dipilih semula sebagai Pengerusi Koperasi Pekebun Kecil Daerah Lipis Berhad (Kendali) dalam Mesyuarat Agung Ke-34 koperasi tersebut di Dewan UMNO Lipis, Kuala Lipis, Pahang, baru-baru ini.

Abdul Fattah yang berasal dari Kampung Lubuk Kulit, Lipis hampir dua dekad mengetuai koperasi yang mempunyai keahlian kira-kira 5,000 orang terdiri daripada pekebun kecil getah dan sawit kebanyakannya penduduk luar bandar Lipis

sebulat suara dipilih dalam mesyuarat tersebut.

Menurut Abdul Fattah, beliau berterima kasih kepada ahli Kendali kerana melantiknya semula untuk menerajui koperasi tersebut yang telah mengukir banyak kejayaan dalam sektor perladangan serta pemasaran getah dan sawit juga menghasilkan perolehan keuntungan serta manfaat dividen tahunan untuk ahli.

■ ABDUL Fattah Abdullah (duduk, tengah) bersama ahli jawatankuasa baharu Koperasi Pekebun Kecil Daerah Lipis Berhad selepas mesyuarat agung di Dewan UMNO Lipis, Lipis, Pahang, baru-baru ini.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA